

**TEKS UCAPAN**  
**Y.A.B DATO' SERI DR. MD. ISA BIN SABU**  
**MENTERI BESAR PERLIS**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR**  
**PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA**  
**(SePMA)**  
**BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL**  
**PADA 29 MAC 2010 ( ISNIN)**  
**2.30 PTG**

Bismillahirrahmannirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Taala Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri  
Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam,  
Ketua Menteri Melaka merangkap  
Penaung Kehormat Seminar  
Pendidikan Melayu Antarabangsa  
dan Presiden Dunia Melayu Dunia  
Islam.

Yang Berhormat Datuk Seri  
Mohamed Khaled Nordin,  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

YB Dato' Yazid bin Mat  
Speaker Dewan Undangan Negeri  
Perlis,

YB Dato' Mohamad Zabidi bin  
Zainal  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Perlis,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), merangkap Pengerusi Bersama Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripada Nya, membenarkan kita berkumpul di sini pada petang ini bagi menghadiri **Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010.**

Saya berdoa semoga dengan kesempatan yang diberikan ini, kita akan menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan sekalung penghargaan kepada semua peserta dari dalam dan luar negara yang mengambil bahagian dalam Seminar ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada UniMAP kerana langkah proaktif yang diambil bersama Kerajaan Negeri, kita dapat menganjurkan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam, serta Tenaga Nasional Berhad, Biro Tatanegara JPM dan Utusan Melayu Malaysia Bhd.

Sebagai Menteri Besar Perlis, besarlah harapan saya untuk memastikan kelancaran perjalanan seminar yang julung kali diadakan di Perlis. Saya juga percaya kejayaan penganjuran

seminar ini akan menjadi langkah pertama, pembakar semangat buat kerajaan negeri Perlis, UniMAP dan seluruhnya untuk memartabatkan pendidikan Melayu hingga ke peringkat antarabangsa.

Ilmu amat penting pada zaman sekarang. Jika tiada ilmu, bagaimana kita hendak menjadi bangsa yang berjaya. Selalunya masyarakat mentafsirkan Orang Melayu itu dari segi zahirnya, lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar serta tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa. UNESCO pada tahun 1972 telah mentafsirkan "Melayu" sebagai

suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Madagaskar.

Biar dimana kita berpijak, kita tetap Melayu. Namun apa yang kita inginkan sekarang ini ialah untuk menjadi Melayu yang berpendidikan tinggi. Hal ini kerana jika Melayu itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi hingga ke peringkat antarabangsa, mereka mampu membentuk satu masyarakat yang mempunyai minda berilmu sekaligus mampu memacu Negara demi pembangunan dan mencapai Negara maju seperti negara-negara maju dunia.

Tiada apa yang mustahil untuk dikecapi. Jika hari ini Melayu merasakan diri begitu kerdil di mata asing, bangkitlah mempersiapkan diri biar setanding dengan mereka. Namun, perlu ditanya kepada diri, apa sebenarnya kekurangan kita???

Sebenarnya tiada apa yang membezakan kita dengan mereka, Cuma apa yang telah mereka capai, kita sedang berusaha menggapainya. Biar apapun yang kita ingin lakukan tanamkan dalam hati bahawa pendidikanlah yang akan menjadi tunjang atau tulang belakang untuk menggerakkan sesuatu impian.

Hadirin yang di hormati sekalian,

Dengan pemilihan tema, **“Pendidikan Teras Bangsa Diperkasa”** jelas menunjukkan bahawa pendidikanlah yang akan menjadi teras utama dalam memastikan sesuatu bangsa itu berjaya dan dipandang tinggi oleh bangsa lain. Secara jujurnya, saya berasa sangat bangga dan gembira kerana Seminar ini diadakan di negeri Perlis. Hal ini kerana saya mengharapkan agar seminar ini mampu untuk mengasah minda dan membuka mata masyarakat Melayu untuk bangun bersama-sama bagi memperbaiki kelemahan diri

melalui sistem pendidikan. Janganlah memandang enteng terhadap pendidikan kerana sesuatu bangsa boleh terkubur jika tiada ilmu pengetahuan.

Hari ini saya ingin menyeru kepada seluruh bangsa Melayu untuk bangun dari diulit mimpi. Kejarlah ilmu pengetahuan agar kita mampu membina bangsa yang berjaya dan berdaulat serta mampu memajukan negara ke arah kegemilangan. Kepada seluruh anak muda Melayu, penuhkanlah institusi pendidikan negara, isikan diri dengan pendidikan sebagai persediaan

menghadapi pancaroba sebenar sebagai pemimpin masa depan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya memilih untuk tidak bercakap panjang pada hari ini, apa yang saya harapkan agar Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa ini akan menjadi titik tolak dalam merealisasikan hasrat kita untuk menjadikan Perlis sebagai Negeri ilmu. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada petang ini, izinkan saya untuk menyampaikan sebuah puisi dan saya berharap agar bait-bait puisi tersebut akan membuka minda kita untuk bertindak lebih agresif

dalam pembangunan Bangsa Melayu di masa sekarang dan akan datang :

Melayu,

Bangsa yang berdaulat,

Bangsa yang gemilang,

Namun, jangan lah Melayu kini mudah lupa,

Akan kesusahan Melayu yang terdahulu,

Memperjuangkan tanah Melayu,

Demi Bangsa Melayu,

Melayu,

Mendapatkan hak Melayu

sememangnya cabaran,

Mempertahankan hak lagilah mencabar,

Hanya ilmu sebagai jaminan

Untuk Melayu lebih berwawasan  
Berminda kelas pertama cabaran  
Melayu,  
Namun tidak mustahil dalam  
gengaman,  
Cabaran disahut, azam berjanji,  
Memacu negara ke arah  
kegemilangan  
Agar tanah ini terus menjadi milik  
Melayu.

*(Aida Othman 24/3/2010)*

Saya dengan lafaz  
Bismillahirrahmaniirrahim dengan  
ini merasmikan **“Seminar  
Pendidikan Melayu Antarabangsa  
(SePMA) 2010”**.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.